

10 PRODUK UniMAP RAIH EMAS DI ITEX 2018

Oleh : Mohd Basri Basir

KANGAR, 12 Mei - Produk penyelidikan Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) semakin mendapat pengiktirafan di peringkat antarabangsa apabila berjaya membawa pulang 10 pingat emas pada Pameran Reka Cipta, Inovasi dan Teknologi Antarabangsa (ITEX), baru-baru ini.

Naib Canselor UniMAP, Datuk Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal, berkata, UniMAP menghantar 16 produk untuk dipertandingkan pada ITEX 2018 dan 10 daripadanya berjaya meraih pingat emas manakala enam lagi meraih perak.

Katanya, ia sekaligus menjadikan UniMAP berjaya meraih 100 peratus pingat yang dipertandingkan. ITEX 2018 mengumpulkan lebih 1,000 reka cipta yang membabitkan penyertaan dari 20 negara seperti China, Jerman, Korea dan Turki.

Antara tarikan utama bagi ITEX 2018 adalah penganjuran Pameran Pereka Cipta Muda Dunia (WYIE), Pameran Reka Cipta Muda Asia (AYIE), Pameran Reka Cipta Muda Malaysia (MYIE) dan aktiviti seperti sesi PITCH4FUND, seminar usahawan pemula dan perbincangan modal teroka ke usahawan (VC2E). Ia merupakan anjuran Malaysian Invention and Design Society (MINDS), sebagai platform bagi memperkenalkan reka cipta dan teknologi serta produk baru.

